

Penilaian Semula Kaedah Abū Ja'far al-Ṭaḥāwī dalam Mentafsir Nas-Nas
Mutashābihāt Sebagai Respons terhadap Kekeliruan Akidah Semasa

Revisiting Abū Ja'far al-Ṭaḥāwī's Interaction Method on *Mutashābihāt* as a Response to Modern
Theological Misinterpretations

WAN AHMAD NAQIUDIN WAN KHALID^{*1}, WAN HASLAN KHAIRUDDIN¹, ABDULL RAHMAN
MAHMOOD¹ & MUTSALIM KHARENG²

¹Pusat Kajian Usuluddin Dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi,
Selangor, Malaysia.

²Academy of Islamic and Arabic Studies, Princess of Naradhiwas University, 99 M. 8 Khokkhian, Meuang,
Narathiwat, 96000 Thailand.

*Corresponding Author; email: p137717@siswa.ukm.edu.my

Received: 1 October 2024/Revised: 9 July 2025/Accepted: 21 July 2025/

Published: 1 December 2025

ABSTRAK

Perbincangan ayat-ayat *mutashābihāt* telah menjadi polemik sejak dahulu lagi. Antara konflik yang timbul adalah berkaitan persoalan apakah kaedah yang benar dalam berinteraksi dengan ayat-ayat *mutashābihāt* ini. Oleh yang demikian, metode dan kaedah para ulama berkaitannya perlu dikaji untuk memastikan kefahaman yang tepat dan tidak terjerumus kepada pegangan akidah yang sesat seperti fahaman *tashbīh*, *tajsim* dan *ta'tīl*. Abu Ja'far al-Ṭaḥāwī (w. 321 H) merupakan seorang ulama salaf yang diiktiraf sebagai rujukan yang muktamad dalam bidang ilmu Akidah. Beliau menulis sebuah kitab yang disepakati oleh para ulama zaman berzaman daripada golongan salaf dan khalaf iaitu *al-'Aqīdah al-Ṭaḥāwīyyah*. Oleh yang demikian, artikel ini bertujuan mengkaji tentang kaedah al-Ṭaḥāwī dalam berinteraksi dengan nas-nas *mutashābihāt* dalam kitab *al-'Aqīdah al-Ṭaḥāwīyyah*. Hal ini dengan merangkumi perbincangan-perbincangan berikut: (i) kaedah interaksi ayat-ayat *mutashābihāt* di sisi para ulama, (ii) pernyataan al-Ṭaḥāwī tentang kaedah interaksi dalam kitab *al-'Aqīdah al-Ṭaḥāwīyyah* dan (iii) analisis kaedah interaksi al-Ṭaḥāwī dalam ayat-ayat *mutashābihāt*. Metodologi yang digunakan bagi kajian ini ialah rekabentuk kualitatif dengan menggunakan metode analisis dokumen terhadap kitab *al-'Aqīdah al-Ṭaḥāwīyyah* dan beberapa syarahannya. Hasil kajian mendapati bahawa al-Ṭaḥāwī lebih cenderung kepada pendekatan *tafwīd* iaitu beriman dan menyerahkan sepenuhnya maksud ayat-ayat tersebut kepada Allah SWT serta tidak menambah apa-apa penjelasan terhadapnya sebagaimana yang diamalkan oleh para ulama salaf. Selain itu, beliau juga menegah daripada menggunakan kaedah *takwil* dan menyifatkan kaedah *tafwīd* sebagai satu langkah yang selamat dan terhindar daripada kesalahan. Implikasi daripada kajian ini ialah ia menjelaskan kaedah sebenar golongan salaf al-ṣāliḥ dalam mentafsir ayat-ayat *mutashābihāt* dengan menjadikan al-Ṭaḥāwī, seorang ulama salaf yang disepakati, sebagai satu contoh yang ideal.

Kata kunci: al-Ṭaḥāwī; *al-'Aqīdah al-Ṭaḥāwīyyah*; *Mutashābihāt*; Salaf; *Tafwīd*

ABSTRACT

The debate on the *mutashābihāt* verses has been a polemic since time immemorial. Among the conflicts that arise is the question of what the correct method is in interacting with these *mutashābihāt* verses. Thus, it is essential to carefully examine the approaches of relevant scholars to achieve an accurate understanding and avoid misconceptions such as *tashbīh*, *tajsim*, or *ta'tīl*. Abu Ja'far al-Ṭaḥāwī (d. 321 H) is a Salaf scholar who is recognised as the ultimate reference in the field of Aqidah knowledge. He authored a book, *al-'Aqīdah al-Ṭaḥāwīyyah*, which scholars of his era accepted from both the Salaf and Khalaf groups. The work covers several key debates: (i) how scholars approach the *mutashābihāt* verses, (ii) al-Ṭaḥāwī's own views on this method in *al-'Aqīdah al-Ṭaḥāwīyyah*, and (iii) an examination of al-Ṭaḥāwī's

approach to interpreting the *mutashābihāt* verses. The methodology used for this study is a qualitative design using the document analysis method of the book *al-‘Aqīdah al-Taḥāwīyyah* and its commentaries. The results of the survey found that *al-Taḥāwī* is more inclined to the *tafwīd* approach, which is to believe and submit the meaning of the verses to Allah SWT and not add any explanation to them, as practised by the Salaf scholars. In addition, he also prevented using the *takwīl* method and described the *tafwīd* method as a safe step that avoids mistakes.

Keywords: *al-Taḥāwī*; *al-‘Aqīdah al-Taḥāwīyyah*; *Mutashābihāt*; *Salaf*; *Tafwīd*

PENGENALAN

Allah SWT menurunkan al-Quran dengan ayat-ayatnya yang terdiri daripada ayat yang bersifat *muḥkamāt*, iaitu yang merupakan induk kepada al-Quran (*umm al-kitāb*) dan ayat-ayat *mutashābihāt*. Firman-Nya dalam surah Ali Imran, ayat 7:

هُوَ الَّذِي أَنْزَلَ عَلَيْكَ الْكِتَابَ مِنْهُ آيَاتٌ مُحْكَمَاتٌ هُنَّ أُمُّ الْكِتَابِ وَأُخَرُ مُتَشَابِهَاتٌ فَأَمَّا الَّذِينَ فِي قُلُوبِهِمْ زَيْغٌ فَيَتَّبِعُونَ مَا تَشَابَهَ مِنْهُ ابْتِغَاءَ الْفِتْنَةِ وَابْتِغَاءَ تَأْوِيلِهِ وَمَا يَعْلَمُ تَأْوِيلَهُ إِلَّا اللَّهُ وَالرَّاسِخُونَ فِي الْعِلْمِ يَقُولُونَ آمَنَّا بِهِ كُلٌّ مِنْ عِنْدِ رَبِّنَا وَمَا يَذَّكَّرُ إِلَّا أُولُو الْأَلْبَابِ ﴿٧﴾

Maksud:

Dia lah yang menurunkan kepadamu (wahai Muhammad) kitab suci al-Quran. Sebahagian besar daripada al-Quran itu ialah ayat-ayat *muḥkamāt* (yang tetap, tegas dan nyata maknanya serta jelas maksudnya); ayat-ayat *muḥkamāt* itu ialah ibu (atau pokok) isi al-Quran. Dan yang lain lagi ialah ayat-ayat *mutashābihāt* (yang samar-samar, tidak terang maksudnya). Oleh sebab itu (timbulah faham yang berlainan menurut kandungan hati masing-masing) - adapun orang-orang yang ada dalam hatinya kecenderungan ke arah kesesatan, maka mereka selalu menurut apa yang samar-samar daripada al-Quran untuk mencari fitnah dan mencari-cari takwilnya (memutarakan maksudnya menurut yang disukainya). Padahal tidak ada yang mengetahui takwilnya (tafsir maksudnya yang sebenar) melainkan Allah. Dan orang-orang yang tetap teguh serta mendalam pengetahuannya dalam ilmu-ilmu agama, berkata: ‘Kami beriman kepadanya, semuanya itu datangnya dari sisi Tuhan kami’. Dan tiadalah yang mengambil pelajaran dan peringatan melainkan orang-orang yang berfikiran.

Menurut Ibn Kathir (1999), melalui ayat ini Allah SWT memberitahu bahawa ayat-ayat yang bersifat *muḥkamāt* merupakan ayat yang jelas maknanya dan tiada kesamaran padanya. Manakala terdapat pula ayat-ayat lain yang bersifat *mutashābihāt*, iaitu ayat-ayat yang mempunyai kesamaran dan kekaburan bagi ramai manusia atau sebahagian daripada mereka. Secara umumnya, asas kefahaman dalam ayat al-Quran di atas ialah ayat-ayat yang samar maksudnya ini mestilah difahami

dalam kerangka pemahaman ayat-ayat *muḥkamāt* dan dirujuk kembali kefahaman kepadanya. Oleh yang demikian, dapat difahami bahawa sebahagian besar kandungan al-Quran adalah terdiri daripada ayat-ayat *muḥkamāt*, manakala ayat-ayat yang sedikit daripadanya adalah *mutashābihāt*. Maka, untuk memahami ayat-ayat *mutashābihāt* yang sedikit itu, ia hendaklah dikembalikan kepada ayat-ayat *muḥkamāt* yang merupakan sebahagian besar daripada kandungan al-Quran. Hal ini sepertimana yang disebut *al-Taḥāwī* sendiri, bahawa kata beliau (*al-Dūsari* 2002):

قال أبو جعفر الطحاوي: قول الله عز وجل: {هُوَ الَّذِي أَنْزَلَ عَلَيْكَ الْكِتَابَ مِنْهُ آيَاتٌ مُحْكَمَاتٌ هُنَّ أُمُّ الْكِتَابِ {آل عمران: 7} فأعلمنا عز وجل أن من كتابه آيات محكمات بالتأويل، وهي المتفق على تأويلها والمعقول المراد بها. وأن منه آيات متشابهات يلتمس تأويلها من الآيات المحكمات اللاتي هن أم الكتاب، وهي الآيات المختلفة في تأويلها.

Maksud:

Abū Ja’far al-Taḥāwī berkata: Firman Allah SWT, ‘Dia lah yang menurunkan kepadamu (wahai Muhammad) kitab suci al-Quran. Sebahagian besar daripada al-Quran itu ialah ayat-ayat *muḥkamāt*, ayat-ayat *muḥkamāt* itu ialah ibu (atau pokok) isi al-Quran’. Allah SWT mengajarkan kepada kita bahawa kitab-Nya mengandungi ayat-ayat *muḥkamāt* dengan takwil iaitu yang disepakati takwilannya dan dapat diketahui maksud daripadanya. Di samping itu, terkandung di dalamnya juga ayat-ayat *mutashābihāt* yang diambil takwilannya daripada ayat-ayat *muḥkamāt* yang merupakan induk kitab dan ia merupakan ayat yang diperselisihkan takwilnya.

Sesungguhnya perbahasan berkaitan nas-nas *mutashābihāt* terutama berkaitan sifat-sifat Allah SWT ini merupakan perbahasan terpenting dalam ilmu Kalam. Ia menjadi polemik sejak daripada zaman awal penyebaran agama Islam lagi. Polemik sifat Tuhan ini telah bermula di masa terakhir pemerintah Bani Umayyah di Damsyik oleh Ja’ad Ibn Dirham (m. 106H) yang melampau dalam *tanzīh* sehingga menafikan semua sifat bagi Allah SWT termasuk sifat-sifat yang ditetapkan dalam al-Quran. Seterusnya legasi beliau diteruskan oleh Jahm Ibn

Safwan (m. 128H) di Termez dan Muktazilah di Iraq. Kedua-dua kumpulan ini umumnya bersepakat bahawa tuhan adalah zat tanpa sifat. Hal ini kerana mereka iaitu golongan Jahmiyyah-Muktazilah berpegang kepada pegangan *tanzīh* mutlak. Ini merupakan rentetan daripada perdebatan mereka dengan kumpulan *Mushabbihah* yang berpegang kepada fahaman antropomorfisme (*tashbīh*) teruk yang menetapkan bahawa tuhan adalah jisim yang tersusun, menetap di suatu tempat serta memiliki berat dan keluasan tertentu (Umar 2022). Konflik ini merupakan antara faktor utama yang telah menimbulkan ketegangan dalam kalangan umat Islam sendiri yang akhirnya mencetuskan kemunculan pelbagai aliran Akidah dalam kalangan mereka. Hal ini akibat daripada perbezaan yang timbul dalam kalangan aliran-aliran akidah Islam berkaitan kaedah berinteraksi dalam nas-nas *mutashābihāt*. Kesalahan dalam memilih kaedah dalam memahami nas-nas ini akan membawa kepada fahaman yang sesat seperti fahaman menyamakan Allah SWT dengan sifat makhluk (*tashbīh*) dan menyatakan Allah SWT mempunyai jisim (*tajsim*) dan fahaman yang menafikan terus sifat-sifat bagi Allah SWT (*ta'tīl*) Prinsip yang benar dalam perkara ini yang menjadi pegangan Ahli Sunnah Waljamaah ialah mengisbatkan sifat bagi Allah SWT tanpa menyerupakan-Nya dengan makhluk dan juga mereka tidak menafikan sifat sehingga menjadikan Allah SWT zat yang *mujarrad* iaitu tanpa sifat (Abdull Rahman & Wan Haslan 2019).

Hal ini menjelaskan kepentingan mengetahui kaedah berinteraksi dengan ayat-ayat *mutashābihāt* kerana kebanyakan daripadanya menyatakan tentang sifat-sifat Allah SWT. Oleh kerana itu, ia berkait dengan kewajipan mengenal Allah SWT (*ma'rifatullah*) dan *nazar* (penaakulan) berkaitannya bagi mengelakkan daripada bertaqlid dalam perkara ini. Ini kerana status orang yang bertaqlid (*muqallid*) di dalam akidah diperselisihkan oleh ulama, bahkan terdapat pandangan iaitu daripada Muhammad bin Yūsuf al-Sanūsi (w. 895H) yang mengatakan bahawa iman *muqallid* tidak sah dalam kitab *Sharh al-'Aqīdah al-Kubrā*. Walau bagaimanapun, pandangan majoriti ulama bahawa iman *muqallid* adalah sah tetapi berdosa sekiranya meninggalkan *nazar* jika dia berkemampuan dan memenuhi syaratnya. (Mohd Firdaus, Wan Haslan & Abdull Rahman 2024).

Selain daripada itu, dari sudut ilmu Tasawwuf pula mengenal Allah SWT (*al-Ma'rifah*) merupakan

antara *maqamāt* yang tinggi, bahkan merupakan satu keutamaan menurut al-Ghazali (w. 505H). Bagi beliau, ilmu berkaitan keagungan dan kebesaran Allah SWT merupakan ilmu yang sebenar yang perlu diutamakan. Al-Ghazali menyatakan bahawa setiap individu mampu untuk memahami pengetahuan tentang diri sendiri pasti dapat mengenali ketuhanan Allah SWT sebagaimana dalam surah Fuṣṣilat, ayat 11 (Mazlan, Abur Hamdi & Muhammad Fakhurrizi 2022). Jalan mengenal Allah SWT adalah melalui pengenalan Allah SWT bagi zat-Nya Yang Mulia dalam al-Quran menerusi ayat-ayat *muḥkamāt* dan *mutashābihāt*.

Oleh yang demikian, usaha mengkaji kaedah yang digunakan para ulama muktabar dalam berinteraksi dengan nas-nas *mutashābihāt* adalah satu keperluan pada zaman ini bagi mengetahui apakah kaedah yang sesuai untuk digunakan. Bagi tujuan tersebut, kajian ini mengkaji seorang tokoh ulama salaf yang disepakati oleh semua aliran daripada golongan salaf dan *khalaf* iaitu Abū Ja'far al-Ṭahāwī (w. 321H). Manakala, kitab akidah beliau yang masyhur iaitu *al-Aqīdah al-Ṭahāwīyyah* merupakan kitab disepakati dan diterima para ulama daripada pelbagai aliran sepanjang zaman sebagai satu kitab yang mewakili akidah golongan salaf. Hal ini sepertimana disaksikan oleh ramai para ulama, antaranya al-Subki (1986) yang menyatakan bahawa:

“Kesemua empat mazhab (al-Shafie, al-Maliki, al-Hanafi dan al-Hanbali), segala puji bagi Allah SWT, dalam perkara akidah saling bersatu kecuali sebahagian golongan daripada mereka yang cenderung kepada fahaman Muktazilah dan *Mujassimah*. Manakala majoriti dalam kalangan mereka berada di atas jalan kebenaran. Mereka memperakui akidah Abū Ja'far al-Ṭahāwī yang diterima oleh para ulama sama ada salaf dan khalaf dan dijadikan pegangan dalam beragama dengan mengikut pandangan *shaykh al-sunnah* Abū al-Hasan al-Ash'ari. Tiada yang mengingkarinya kecuali dia merupakan seorang daripada golongan ahli bidaah.”

Berdasarkan kedudukan yang tinggi dan pengiktirafan daripada para ulama terhadap al-Ṭahāwī dan kitabnya *al-Aqīdah al-Ṭahāwīyyah* ini, maka adalah penting untuk mengkaji kaedah yang digunakan beliau dalam berinteraksi dengan nas-nas *mutashābihāt* berdasarkan kitab tersebut. Penjelasan berkaitan perkara ini dapat merungkai permasalahan yang berkaitan isu pendirian ulama salaf terhadap nas-nas *mutashābihāt* ini.

SOROTAN LITERATUR

Seperti yang disebut dalam pengenalan sebelum ini, perbincangan berkaitan ayat-ayat *mutashābihāt* yang berkembang sejak daripada zaman awal kurun pertama hijrah lagi. Oleh itu, sudah tentu bilangan penulisan dan kajian yang dihasilkan oleh para ulama dan pengkaji berkenaan topik ini tidak terkira banyaknya. Usaha untuk menyenaraikan setiap daripada hasil penulisan dan kajian tersebut merupakan sesuatu usaha yang hampir mustahil. Maka dalam menjalankan sorotan literatur ini, kajian yang diberi perhatian kepada beberapa aspek yang khusus iaitu pertama, kajian terkini berkaitan kaedah para ulama dalam berinteraksi dengan nas-nas *mutashābihāt* dan isu-isu berkaitannya. Kedua, kajian berkaitan kaedah al-Ṭahāwī dalam berinteraksi dengan nas-nas *mutashābihāt*.

Kajian berkaitan kaedah interaksi nas-nas *mutashābihāt* yang digunakan oleh golongan salaf didapati daripada satu artikel jurnal yang ditulis oleh Muhammad Rashidi Wahab & Syed Hadzrullathfi (2012) yang bertajuk Takwilan Nas-Nas Sifat *Mutashābihāt* dalam Kalangan Salaf. Kajian ini mendapati bahawa, walaupun secara umumnya golongan ulama salaf dikatakan tidak mentakwilkan nas-nas *mutashābihāt* dan ulama *khalaf* mentakwilkannya, namun terdapat dalam kalangan ulama salaf yang hidup hingga ke kurun ketiga hijrah turut mentakwilkan nas-nas sifat. Oleh yang demikian, kajian itu merumuskan bahawa dakwaan para ulama salaf menolak kaedah takwil adalah satu pandangan yang kurang tepat dan bertentangan dengan fakta ilmiah.

Selain itu, kajian tentang isu-isu lain berkaitan ayat-ayat *mutashābihāt* ini ditemui dalam artikel jurnal oleh Azizul Azra et al. (2020) yang bertajuk *Penyelewengan Penterjemahan dan Penafsiran ke Atas Ayat-Ayat Berkaitan Sifat-Sifat Ketuhanan dalam al-Quran*. Kajian ini berusaha menjelaskan kaedah penterjemahan dan penafsiran yang tepat dan selaras dengan akidah Ahli Sunnah Waljamaah terhadap ayat-ayat *mutashābihāt*. Kajian ini mendapati bahawa kaedah penterjemahan dan penafsiran ayat-ayat *mutashābihāt* perlu mengikut manhaj yang benar demi menjaga kesuciaan maknanya dan tidak terpengaruh dengan aliran akidah yang sesat seperti *mujassimah*, *mushabbihah* dan *hasyawiyyah*.

Di samping itu, kajian berkenaan kaedah seseorang tokoh terhadap nas-nas *mutashābihāt* ini juga dapat dilihat melalui artikel jurnal bertajuk

Takwil dan Kritik Literalisme: Kaedah Al-Ghazālī dalam Mentafsir Hadith-Hadith yang Mengandungi Antropomorfisme (Umar 2022). Kajian ini mengkaji kaedah al-Ghazālī terhadap hadith yang mempunyai unsur penyerupaan Allah SWT dengan makhluk. Ia mendapati bahawa al-Ghazālī menggunakan pendekatan takwil (pentafsiran majazi) bagi memberikan kefahaman yang benar berdasarkan prinsip tauhid dan *tanzīh* terhadap Allah SWT. Pendekatan kaedah takwil di sisi al-Ghazālī juga diiringi dengan kritikan beliau terhadap rasionalisme Muktaẓilah dan literalisme Ḥanābilah. Walau bagaimanapun, penggunaan kaedah takwil ini tidak terpakai kepada semua golongan, bahkan dikhususkan kepada golongan ulama yang mempunyai ketajaman analisis dan tahap spiritual yang memungkinkan mereka memahaminya dengan tepat (Umar 2022).

Manakala penulisan dan kajian berkaitan pemikiran akidah al-Ṭahāwī dan kaedah interaksi terhadap nas-nas *mutashābihāt* didapati dengan perspektif konsep *tanzīh* dalam kitab *al-'Aqīdah al-Ṭahāwiyyah*. Ini didapati daripada satu artikel jurnal yang bertajuk *Konsep Tanzīh dalam Kitab al-'Aqīdah al-Ṭahāwiyyah* (Wan Ahmad Naqiuddin & Wan Haslan 2024). Kajian ini mengkaji pernyataan-pernyataan berkaitan konsep *tanzīh* yang terdapat dalam kitab tersebut. Kajian mendapati bahawa al-Ṭahāwī menyatakan konsep *tanzīh* dalam akidah itu dengan jelas dan terang melalui tiga tema yang utama iaitu:

1. *Tanzīh* Allah SWT daripada sekutu yang serupa atau sama dengan-Nya.
2. *Tanzīh* zat dan sifat Allah SWT daripada menyerupai makhluk dan sifat lazimnya.
3. *Tanzīh* kalam Allah SWT daripada menyamai kalam makhluk.

Tema-tema yang disentuh ini menyerlahkan secara terang bahawa al-Ṭahāwī merupakan seorang ulama salaf yang berpegang kepada akidah Ahli Sunnah Waljamaah berakidah dengan akidah *tanzīh* yang menafikan sebarang bentuk penyamaan dan penyerupaan dengan makhluk. Walau bagaimanapun, kajian ini tidak menyentuh perbincangan penting tentang kaedah yang digunakan oleh al-Ṭahāwī dalam berinteraksi dengan ayat-ayat *mutashābihāt* yang boleh didapati selari dengan konsep *tanzīh* tersebut.

Justeru itu, kajian lanjut perlu dilakukan bagi menjelaskan kaedah sebenar interaksi dan mentafsirkan ayat-ayat *mutashābihāt* dengan

memilih al-Ṭahāwī sebagai satu contoh yang ideal dalam perkara ini. Kajian dilakukan dengan mengeluarkan pernyataan yang disebutkan al-Ṭahāwī di dalam kitabnya dan menghuraikan sudut pandang bagi setiap pernyataan tersebut. Berdasarkan penelitian dan penyelidikan, masih belum terdapat kajian yang mendalam berkaitan perihal ini dijalankan. Oleh yang demikian, kajian ini akan mengkaji kaedah interaksi al-Ṭahāwī terhadap ayat-ayat *mutashābihāt* melalui kitabnya *al-'Aqīdah al-Ṭahāwīyyah* secara khusus.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif dengan mengaplikasikan dua metode asas dalam mencapai matlamat kajian iaitu metode pengumpulan data dan metode menganalisis data. Kualitatif ialah suatu kaedah untuk menerokai dan memahami individu atau kumpulan yang terlibat dalam sesuatu masalah atau fenomena manusia dan masyarakat (Ahmad Munawar & Mohd. Nor Shahizan 2018).

Metode pengumpulan data dijalankan dengan kajian kepustakaan iaitu merujuk kepada sumber-sumber bahan bacaan yang berkaitan dengan tajuk kajian seperti buku, kertas kerja pembentangan, artikel dan jurnal ilmiah. Dalam hal ini, perbincangan kajian yang berkaitan dengan ayat-ayat *mutashābihāt* dan kitab *al-'Aqīdah al-Ṭahāwīyyah* diteliti untuk menjelaskan matlamat kajian. Semua hasil dan dapatan daripada sumber tersebut akan dikumpulkan dan direkodkan bagi tujuan proses seterusnya iaitu analisis data.

Metode menganalisis data pula merupakan satu metode yang telah pun diberikan penekanan di dalam al-Quran. Ia dilakukan melalui pembuktian, penghujahan dan perdebatan terhadap sesuatu perkara bagi mencapai keputusan yang sah menggunakan teknik induksi, metode perbandingan, pertimbangan, pengujian berdasarkan data yang bersifat eksternal dan kekuatan intelek serta logik (Ahmad Sunawari 2022). Berdasarkan kefahaman ini, kajian ini menggunakan tiga metode analisis yang utama iaitu kaedah induktif, deduktif dan analisis kandungan. Kaedah induktif ialah mengkaji data-data yang bersifat *juz'iy* untuk menghasilkan suatu teori yang *kulliy* (universal). Ini disempurnakan dengan merujuk kepada kitab-kitab syarahan bagi *al-'Aqīdah al-Ṭahāwīyyah* dalam menjelaskan pernyataan al-Ṭahāwī tentang cara

untuk berinteraksi dengan ayat-ayat *mutashābihāt*.

Manakala, kaedah deduktif pula ialah suatu proses yang digunakan bagi pengujian teori sedia ada bagi mengesahkan ketepatan dan kebenaran teori tersebut. Kaedah ini dilaksanakan dengan melihat cara al-Ṭahāwī mengaplikasikan cara tersebut dalam ayat-ayat *mutashābihāt* yang terkandung dalam kitab beliau. Bagi kaedah analisis kandungan pula, semua dapatan yang direkod dianalisis dengan bertujuan menyerlahkan dengan jelas dan membuktikan kaedah interaksi yang digunakan al-Ṭahāwī terhadap ayat-ayat *mutashābihāt*.

Perbincangan berkaitan penentuan makna ayat *al-muḥkam* dan *al-mutashābih* merupakan antara perbincangan penting dalam bidang ilmu Kalam, selain ia juga perbincangan yang penting dalam Ulum al-Quran. Faktor perbincangan ini penting dalam ilmu Kalam adalah kerana ilmu Kalam secara konsepnya ialah satu medium dan pendekatan dalam dialog atau debat antara golongan Ahli Sunnah Waljamaah dengan ajaran yang menyeleweng dalam Islam. Dalam hal ini, asas *al-shahadatayn* (Dua Kalimah Syahadah) menjadi tema utama dalam wacana keagamaan sama ada dalam kalangan penganut agama Islam sendiri (*intrareligion*) atau penganut agama-agama lain (*interreligions*). (Wan Haslan 2022)

Terdapat khilaf yang besar berkaitan definisi ayat-ayat *al-muḥkam* dan *al-mutashābih* dalam kalangan ulama. Yahya Bilāl (2016) menyenaraikan beberapa definisi *muḥkam* dan *mutashābih* daripada para ulama antaranya al-Suyūṭi (w. 911H), al-Zarkasyi (w. 794H) dan Ibn Hajar (w. 852H), bagi tujuan menyerlahkan maksudnya secara umum seperti berikut:

1. *Al-Muḥkam* ialah ayat yang diketahui maksud daripadanya sama ada secara zahir atau dengan takwil, manakala *al-mutashābih* pula apa yang Allah SWT sembunyikan daripada ilmu-Nya seperti waktu hari Kiamat, keluarnya Dajjal dan huruf *muqatta'ah* di permulaan surah.
2. *Al-Muḥkam* ialah ayat yang jelas maknanya, *al-mutashābih* pula berlawanan dengannya (tidak jelas maknanya).
3. *Al-Muḥkam* mempunyai satu *wajh* sahaja untuk difahami atau ditakwil, manakala *al-mutashābih* mempunyai banyak *wajh*.
4. *Al-Muḥkam* ialah apa yang boleh difikirkan hikmahnya, manakala *al-mutashābih* sebaliknya seperti bilangan rakaat dalam solat dan pengkhususan ibadah puasa pada bulan Ramadan.

5. *Al-Muḥkam* ialah apa yang mampu untuk berdiri sendiri (tidak berhajat kepada yang lain), *al-mutashabih* pula ialah apa yang tidak mampu berdiri sendiri dan berhajat untuk dikembalikan kepada selainnya (*muḥkam*).
6. *Al-Muḥkam* ialah apa yang takwilnya adalah makna ia diturunkan, manakala *al-mutashabih* apa yang tidak diketahui maknanya kecuali dengan takwil.
7. *Al-Muḥkam* ialah ayat yang tidak berulang-ulang, manakala *al-mutashabih* sebaliknya.
8. *Al-Muḥkam* ialah ayat berkaitan kefarduan, janji baik (*al-wa'd*), janji buruk (*al-wa'id*), manakala *al-mutashabih* pula, ayat berkaitan kisah-kisah dan perumpamaan.
9. *Al-Muḥkam* ialah ayat yang menasakhkan dan yang berkaitan halal dan haram, hudud, ibadah fardu, apa yang perlu diimani dan diamalkan, manakala *al-mutashabih* ialah ayat yang dinasakhkan, perumpamaan, sumpah dan apa yang perlu diimani tetapi tidak untuk diamalkan.
10. *Al-Muḥkam* ialah apa yang mengandungi hukum halal dan haram, manakala *al-mutashabih* adalah selainnya yang membenarkan antara satu sama lain.
11. *Al-Muḥkam* ialah ayat yang tidak dinasakhkan, manakala *al-mutashabih* ayat yang telah dinasakhkan.
12. *Al-Mutashābihat* ialah huruf-huruf *muqāṭṭa'ah*.
13. *Al-Muḥkam* ialah ayat yang diamalkan, manakala *al-mutashabih* ayat yang diimani tetapi tidak diamalkan.

Oleh demikian, dapat difahami daripada maksud di atas bahawa ayat *muḥkam* ialah ayat yang jelas dan terang maksudnya dan tidak mempunyai makna selain daripada maknanya yang asala. Manakala berdasarkan definisi para ulama bagi ayat *mutashābih* pula, dapat disimpulkan bahawa kebanyakan daripada mereka mentakrifkannya sebagai ayat yang dapat diketahui takwil dan tafsirnya oleh golongan yang mendalam ilmunya (*al-rāsikhūn fī al-'ilm*). Oleh itu, dalam ayat ke-7, surah Ali Imran itu tiada *waqaf* pada lafaz *al-jalālah* (الله), manakala huruf و dalam ayat 'وَالرَّاسِخُونَ فِي الْعِلْمِ' ialah 'āṭifah (Yaḥya Bilāl 2016).

Sebelum membincangkan kaedah-kaedah yang digunakan para ulama dalam berinteraksi dengan ayat-ayat *mutashābihat*, perlu untuk mengetahui terlebih dahulu berkaitan pembahagian yang dilakukan oleh para ulama terhadap ayat-ayat *mutashābihat*.

Berkaitan hal ini, para ulama ada membahagikan ayat-ayat *mutashābihat* kepada tiga perkara iaitu kesamaran pada lafaz, kesamaran pada makna dan kesamaran pada lafaz dan makna (Azizul Azra et al. 2020). Di samping itu, huruf *al-muqāṭṭa'ah* seperti الم, المر, الر, المص, والم daripada *mutashābihat* dalam al-Quran (Muqatil 2002). Terdapat juga perkataan-perkataan yang *mutashābih* dalam al-Quran yang termasuk dalam perbahasan ilmu Fiqh dan tidak berkaitan dengan perbahasan akidah, hal ini seperti perkataan (قُرُوء) dalam ayat 228, surah al-Baqarah. Para ulama berselisih pandangan sama ada perkataan tersebut membawa maksud suci atau haid yang menyebabkan ia juga dikira sebagai *mutashābih*.

Selain itu, ayat-ayat berkaitan sifat dan *af'āl* Allah SWT dalam al-Quran terdiri daripada ayat yang berkaitan sifat Allah SWT seolah-olah menyerupai sifat makhluk juga termasuk daripada *mutashābihat* dan persoalan ini berkait dengan perbahasan akidah.

Oleh demikian, apa yang ingin dijadikan tumpuan secara khusus dalam kajian ini ialah berkaitan ayat-ayat *mutashābihat* yang membayangkan bahawa Allah SWT bersifat dengan sifat yang sama seperti makhluk. Inilah ayat-ayat *mutashābihāt* yang dimaksudkan dalam perbahasan ilmu Kalam dan merupakan titik utama perselisihan berkaitan permasalahan kaedah para ulama dalam berinteraksi dengan ayat-ayat *mutashābihāt*. Oleh itu, pembahagian berpandukan konteks ini adalah seperti berikut (Abd. al-'Azīz Sayf al-Naṣr 2018):

1. Ayat-ayat yang mewahamkan bahawa Allah SWT berada pada arah-arrah tertentu:
 - a. Al-Istiwa' (bersemayam): Taha: 5, Yunus: 3.
 - b. Al-Fawqiah (arah atas): al-An'am: 18, al-Nahl: 50.
 - c. Al-Ma'iyah (kebersamaan/di samping): al-Ḥadīd: 4, al-Taubah: 40, al-Mujādilah: 7.
 - d. Al-Ityan, al-Maji' (datang): al-Baqarah: 210, al-Fajr: 22.
2. Ayat-ayat yang mewahamkan bahawa Allah SWT mempunyai tubuh dan anggota badan.
 - a. *Al-Wajh* (wajah): al-Baqarah: 115, al-Qaṣaṣ: 88, al-Rahman: 27, al-Rum: 39.
 - b. *Al-'Ain* (mata): Tāhā: 31, Hud: 37, al-Ṭur: 48, al-Qamar: 14.
 - c. *Al-Yadd* (tangan): Ali Imran: 73, al-Fath: 10, al-Māidah: 64, Ṣaḍ: 75, Yasin: 71.

3. Ayat-ayat yang mewahamkan bahawa Allah SWT mempunyai perasaan dan reaksi tertentu bagi sifat dan *af'āl*-Nya.
 - a. *Al-Hubb* (cinta): al-Baqarah: 222, al-Māidah: 54.
 - b. *Al-Karh* (benci): al-Taubah: 46.
 - c. *Al-Sakht* (marah): Ali Imran: 162, al-Maidah: 80.
 - d. *Al-Riḍā* (reda): al-Maidah: 119.
 - e. *Al-Ghaḍab* (marah): al-Baqarah: 61, al-Nisa': 93, Tāhā: 81.
 - f. *Al-Rahmah* (penyayang): Hud: 43, Yusuf: 53.
 - g. *Al-Ru'yah* (dapat dilihat): al-Qiyāmah: 22-23, Yunus: 26.

Apa yang dapat disimpulkan daripada pembahagian di atas ialah jumlah ayat-ayat *mutashābihāt* adalah sedikit dan boleh dibilang. Walau bagaimanapun, ia menjadi punca perselisihan yang besar dalam aliran-aliran akidah Islam. Hal ini jika dilihat bertepatan dengan apa yang disebut dalam ayat 7, surah Ali Imran bahawa orang yang dalam hatinya ada kecenderungan kepada kesesatan, maka mereka mengikut ayat-ayat *mutashābihāt* yang sedikit dan samar-samar ini serta meninggalkan ayat-ayat *muḥkamāt* yang lebih banyak dan lebih jelas.

DAPATAN KAJIAN

Terdapat beberapa kaedah yang digunakan dalam mentafsirkan nas-nas *mutashābihāt* melalui aliran-aliran Akidah Islam. Sekurang-kurangnya terdapat tiga aliran Akidah utama yang terlibat dalam perbincangan nas-nas *mutashābihāt* ini. Aliran pertama ialah aliran *mushabbiah* atau *mujassimah* yang terkenal dengan kefahaman menyamakan Allah SWT dengan pelbagai sifat makhluk. Aliran kedua ialah aliran Ahli Sunnah Waljamaah yang merupakan aliran arus perdana yang terdiri daripada golongan salaf dan khalaf. Manakala aliran ketiga ialah aliran Muktaẓilah atau dikenali juga sebagai *mu'aṭṭilah* yang mengingkari dan menafikan sifat *khbariyyah* bagi Allah SWT dengan cara mentakwilkan pelbagai sifat Allah SWT dalam al-Quran atau hadis dengan pengertian lain (Muhammad Rashidi Wahab et al. 2014). Namun begitu, para ulama Ahli Sunnah Waljamaah bersepakat menetapkan bahawa kaedah yang benar dalam berinteraksi dengan ayat-ayat *mutashābihāt* dengan menggunakan dua kaedah yang disepakati iaitu kaedah *tafwīd* atau disebut

juga sebagai *ta'wil ijmali* dan kaedah takwil atau *ta'wil tafṣīli*.

Kaedah yang muktabar dan disepakati oleh para ulama Ahli Sunnah Waljamaah dalam berinteraksi terhadap ayat-ayat *mutashābihāt* di sisi para ulama Ahli Sunnah Waljamaah iaitu kaedah takwil dan *tafwīd* (al-Bayjuri 2012). Perkara ini seperti disebut dalam nazam masyhur, *Jawharat al-Tauḥīd* oleh Ibrahim al-Laḳānī (w 1041H):

وَكُلُّ نَصٍّ أَوْهَمَ التَّشْبِيهَ * أَوْلُهُ أَوْ فَوَضَّ وَرُمَ تَنْزِيهًا

Maksud:

Setiap nas wahyu yang membawa waham kepada tashbih, maka hendaklah engkau takwil atau tafwid ia dengan bertujuan menyucikan Allah SWT (daripada sifat-sifat makhluk).

Kaedah *tafwīd* ialah menyerahkan makna kepada Allah SWT selepas takwil secara ijmali. Oleh kerana itu, ia juga disebut sebagai *takwil ijmali*. Hal ini seperti yang diterangkan oleh ramai ulama antara al-Bayjuri (2012) ialah:

وَقَوْلُهُ (أَوْ فَوَضَّ) أَيُّ بَعْدَ التَّأْوِيلِ الْإِجْمَالِيِّ الَّذِي هُوَ صَرْفُ اللَّفْظِ عَنْ ظَاهِرِهِ فَبَعْدَ هَذَا التَّأْوِيلِ فَوَضَّ الْمُرَادَ مِنَ النَّصِّ الْمَوْهَمِ إِلَيْهِ تَعَالَى

Maksud:

Kata pengarang (al-Laḳānī) 'atau tafwid-kan ia' iaitu selepas takwil secara ijmali yang ia adalah memalingkan lafaz daripada makna zahirnya, maka selepas takwil ini diserahkan maksud yang dikehendaki daripada nas yang samar-samar ini kepada Allah Taala.

Berdasarkan definisi ini, kaedah *tafwīd* dapat difahami sebagai satu kaedah yang melakukan takwil *ijmali* terlebih dahulu dengan terlebih dahulu mentanzihkan Allah SWT daripada zahir makna yang tidak layak bagi Allah SWT, kemudian menyerahkan maksud sebenar daripada ayat tersebut kepada Allah SWT (Abd al-Salām al-Laḳānī 2021).

Manakala kaedah takwil atau disebut juga sebagai takwil *tafṣīli* pula seperti yang diterangkan beberapa para ulama antara al-Bayjuri (2012), al-Ajhūri (2021) dan al-Ṣāwī (2021) ialah:

إِخْرَاجُ اللَّفْظِ عَنْ ظَاهِرِهِ لِذَلِيلٍ وَلَوْ مَرْجُوحًا.

Maksud:

Mengeluarkan lafaz daripada makna zahirnya atas sebab kewujudan dalil walaupun ia marjuḥ.

Selain itu, sebahagian daripada ulama juga mentakrifkan takwil dengan takrif yang biasa digunakan (Abd. al-‘Azīz Sayf al-Naṣr 2018) iaitu:

صَرَفَ اللَّفْظَ عَنِ الْمَعْنَى الرَّاجِحِ إِلَى الْمَعْنَى الْمَرْجُوحِ لِذَلِيلٍ يَقْتَرِنُ بِهِ.

Maksud:

Memalingkan lafaz daripada maknanya yang rājih kepada maknanya yang marjūh dengan disertai dengan dalil.

Apa yang disimpulkan adalah terdapat dua cara yang disepakati para ulama dalam berinteraksi dengan ayat-ayat *mutashābihāt* iaitu kaedah *tafwīd* dan takwil. Hal yang dimaklumi adalah kebanyakan golongan salaf lebih cenderung kepada kaedah *tafwīd*, manakala golongan khalaf pula cenderung kepada kaedah takwil. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa golongan ulama yang tidak mengikut kepada pembahagian yang umum ini seperti terdapat golongan salaf yang menggunakan takwil dan golongan khalaf yang cenderung menggunakan kaedah *tafwīd* seperti Ibn Abbas, Hasan al-Basri, Ibn Mubārak, Ibn Jarīr al-Ṭabārī dan lain-lain (Muhammad Rashidi & Syed Hadzrullathfi 2012).

Berdasarkan kaedah-kaedah ini, al-Bayjuri (2012) menjelaskan bahawa kaedah *tafwīd* yang digunakan oleh golongan salaf adalah *aslam* (lebih selamat), manakala kaedah takwil yang digunakan golongan *khalaf* adalah *a'lam wa ahkam* (lebih terperinci dan bijaksana). Ini kerana menurut al-Ṣāwī (2021), pendekatan *tafwīd* menyerahkan makna kepada Allah SWT akan dapat mengelakkan seseorang daripada menentukan sesuatu maksud yang berkemungkinan tidak dikehendaki oleh Allah SWT. Manakala kaedah takwil sebagai lebih bijaksana kerana ia lebih jelas dan kukuh untuk menolak pegangan golongan-golongan yang menyeleweng.

Kedua-dua kaedah ini merupakan kaedah pertengahan dan sederhana di antara literalisme dan rasionalisme yang melampau yang membawa kepada antropomorfisme (*tashbīh*) dan penafian makna bagi sifat-sifat Allah SWT (*ta'tīl*) (Umar 2022). Kaedah ini dipegang oleh Ahli Sunnah Waljamaah yang diwakili oleh aliran akidah al-Ash'arīyah dan al-Maturīdīyah yang merupakan aliran arus perdana dalam dunia Islam (Zakaria Stapa 2011). Kefahaman akidah melalui kedua-dua aliran akidah ini mempengaruhi pegangan akidah umat Islam seluruh dunia khususnya di alam Melayu (Faizuri Abd. Latif & Muhammad Hazim Mohd Azhar 2018).

Selain daripada itu, terdapat juga satu kaedah lain yang disebut sebagai *ithbat*. Kaedah *ithbat* ini merujuk kepada kaedah yang memberikan maksud secara bahasa terlebih dahulu kemudian barulah menyerahkan maknanya kepada Allah SWT. Menurut Azizul Azra et al. (2020), berlaku penyelewengan dalam penafsiran ayat-ayat *mutashābihāt* ini daripada golongan yang mendakwa Salaf (*mutasallif*), yang membaca dan memberi erti lafaz yang zahir (*ithbat*) terlebih dahulu, kemudian barulah menyerahkan (*tafwīd*) makna bagi lafaz yang zahir itu kepada Allah SWT. Bagi golongan ini, mereka mendakwa bahawa hakikat makna lafaz secara zahir dapat diketahui melalui kaedah *ithbat*, cuma *kaifiah*-nya sahaja tidak diketahui. Menurut beliau lagi (2020), kesalahtafsiran ini akan menyebabkan Allah SWT akan kelihatan seperti makhluk tetapi bukan makhluk. Melalui kaedah ini, mereka meyakini bahawa Allah SWT mempunyai tangan tetapi tidak sama dengan tangan makhluk, meyakini bahawa Allah SWT ada mata tetapi tidak sama dengan mata makhluk dan meyakini bahawa Allah SWT duduk atau bersemayam di tetapi tidak sama duduk atau bersemayamnya makhluk. Inilah penyelewengan yang menyesatkan dan membawa kepada fahaman *mushabbihah* (menyerupakan Allah SWT dengan makhluk) dan *mujassimah* (menjisimkan Allah SWT). Di samping itu, pada zaman kontemporari ini terdapat juga pendekatan yang melebihi penggunaan rasional dalam memahami ayat-ayat al-Quran dengan menggunakan hujah menolak taqlid yang mana ia jelas dilihat berbeza dengan pendekatan ulama salaf yang lebih berhati-hati dan mengelak daripada melakukannya (Khairul Hamim & M. Masykur Abdillah 2023).

Oleh demikian, adalah penting untuk mengetahui tentang kaedah yang digunakan oleh al-Ṭahāwī. Hal ini dengan memahami bahawa beliau menjelaskan tentang kaedah salaf dalam berinteraksi dengan ayat-ayat *mutashābihāt* dengan jelas dan tegas. Ini menunjukkan penekanan dan penegasan yang tinggi diberikan al-Ṭahāwī terhadap perbahasan ini, yang mana tidak diberikan seumpamanya pada perbahasan yang lain. Ini menunjukkan bahawa perbahasan ini merupakan satu perbahasan yang penting dalam kitab *al-Aqīdah al-Ṭahāwiyyah*.

Berdasarkan kefahaman tentang kaedah yang diterima oleh aliran Ahli Sunnah Waljamaah dalam berinteraksi dengan ayat-ayat *mutashābihāt*, kajian seterusnya melihat kepada pernyataan al-Ṭahāwī dalam kitab *al-Aqīdah al-Ṭahāwiyyah* yang menyerlahkan prinsip dan kaedah pegangan beliau

dalam perbahasan ini. Hasil penelitian dalam kitab tersebut, terdapat beberapa perenggan yang panjang menerangkan perkara ini.

Antaranya, ketika al-Ṭahāwī membahaskan tentang perbahasan melihat Allah SWT (*rukyatullah*) di hari Akhirat, beliau menyatakan bahawa:

الرُّؤْيَةُ حَقٌّ لِأَهْلِ الْجَنَّةِ بِغَيْرِ إِحَاطَةٍ وَلَا كَيْفِيَّةٍ، كَمَا نَطَقَ بِهِ كِتَابُ رَبِّنَا وَجُوهٌ يَوْمَئِذٍ نَاصِرَةٌ ﴿٢٢﴾ إِلَى رَبِّهَا نَاطِرَةٌ ﴿٣٢﴾ وَتَفْسِرُهُ عَلَى مَا أَرَادَهُ اللَّهُ تَعَالَى وَعَلِمَهُ، وَكُلُّ مَا جَاءَ فِي ذَلِكَ مِنَ الْحَدِيثِ الصَّحِيحِ عَنِ الرَّسُولِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَهُوَ كَمَا قَالَ، وَمَعْنَاهُ عَلَى مَا أَرَادَ وَلَا نَدْخُلُ فِي ذَلِكَ مُتَأَوِّلِينَ بِأَرَائِنَا، وَلَا مُتَوَهِّمِينَ بِأَهْوَائِنَا.

Maksud:

Melihat Allah SWT adalah benar bagi penghuni syurga tanpa melihat meliputi keseluruhan zat-Nya dan tanpa cara-cara tertentu, sebagaimana disebut dalam kitab al-Quran, maksudnya: “Wajah-wajah ketika itu berseri-seri kerana dapat melihat Allah”, (Surah al-Qiyāmah: 22-23). Justeru, tafsirannya (melihat Allah) adalah mengikut kepada kehendakNya dan ilmu-Nya. Begitu juga apa yang diterangkan oleh Rasulullah SAW sama seperti yang difirmankan Allah SWT. Maknanya sepertimana yang Dia kehendaki tanpa kita ta'wil mengikut pandangan kita sendiri dan kita tidak membuat tekaan mengikut hawa nafsu kita. (al-Ṭahāwī 2017)

Kemudian, al-Ṭahāwī tidak berpada dengan itu, bahkan beliau memanjangkan lagi penjelasan dan penerangan beliau dalam tiga perenggan berikutnya terhadap apa yang beliau maksudkan daripada kewajipan tidak melakukan takwil dan ancaman kepada golongan yang tidak menyerahkan maknanya (*tafwīd*) kepada Allah SWT. Kata beliau:

فَإِنَّهُ مَا سَلِمَ فِي دِينِهِ إِلَّا مَنْ سَلِمَ لِلَّهِ عَزَّ وَجَلَّ وَلِرَسُولِهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، وَرَدَّ عِلْمَ مَا اشْتَبَهَ عَلَيْهِ إِلَى عَالِمِهِ. وَلَا تَتَّبِثُ قَدَمُ الْإِسْلَامِ إِلَّا عَلَى ظَهْرِ التَّسْلِيمِ وَالِاسْتِسْلَامِ.

Maksud:

Sesungguhnya tidak akan sejahtera agama seseorang itu melainkan dia menyerahkan kepada Allah SWT dan Rasul-Nya serta mengembalikan segala kekeliruan kepada ilmuNya (apa yang dikehendaki-Nya). Tidak teguh pendirian Islam seseorang melainkan di atas dasar patuh dan menyerah (kepada Allah SWT)

فَمَنْ رَامَ عِلْمَ مَا خُطِرَ عَنْهُ عِلْمُهُ، وَلَمْ يَقْنَعْ بِالتَّسْلِيمِ فَهَمُّهُ، حَاجَبَهُ مَرَامُهُ عَنْ خَالِصِ التَّوْحِيدِ، وَصَافِيِ الْمَعْرِفَةِ، وَصَحِيحِ الْإِيمَانِ، فَيَتَذَبَذَبُ بَيْنَ الْكُفْرِ وَالْإِيمَانِ، وَالتَّصْدِيقِ وَالتَّكْذِيبِ، وَالْإِقْرَارِ وَالْإِنْكَارِ، مُوسَّوسًا نَائِثًا، زَائِعًا شَاكًّا، لَا مُؤْمِنًا مُصَدِّقًا، وَلَا جَاهِدًا مُكَدِّبًا.

Maksud:

Sesiapa yang mengharung lautan ilmu yang tidak dibenarkan dan tidak yakin dengan penyerahan kefahamannya kepada Allah SWT, maka dia akan terhalang daripada mendapat tauhid yang bersih, pengetahuan yang jernih dan iman yang sahih. Maka, orang itu juga akan berbolak balik hatinya antara iman dan kufur, antara membenarkan dan mendustakan, antara akur dan ingkat, sedangkan dia terus was-was, kehairanan, tersesat dan syak wasangka, dia tidak menjadi orang yang benar-benar beriman dan tidak juga sebagai seorang yang ingkat dan dusta.

وَلَا يَصِحُّ الْإِيمَانُ بِالرُّؤْيَةِ لِأَهْلِ دَارِ السَّلَامِ لِمَنْ اِعْتَبَرَهَا مِنْهُمْ بِوَهْمٍ أَوْ تَأَوَّلَهَا بِفَهْمٍ، إِذَا كَانَ تَأْوِيلُ الرُّؤْيَةِ وَتَأْوِيلُ كُلِّ مَعْنَى يُضَافُ إِلَى الرُّبُوبِيَّةِ تَرَكَ التَّأْوِيلَ وَلُزُّهُمُ التَّسْلِيمِ، وَعَلَيْهِ دِينُ الْمُسْلِمِينَ.

Maksud:

Tidak sah keimanan seseorang mengenai penghuni syurga Dār al-Salām boleh melihat Allah SWT sekiranya dia menanggapi perkara itu secara waham atau menta'wilkan dengan kefahamannya sendiri. Sekiranya seseorang itu melakukan takwil pada perkara melihat Allah SWT dan setiap perkara yang tidak diketahui berkaitan dengan sifat Rubūbiyyah, maka tinggalkanlah menta'wil dan iltizamlah dengan menyerahkan (perkara yang tidak diketahui) kepada ilmu Allah SWT. Atas dasar inilah tertegaknya agama orang Islam.

Seterusnya, al-Ṭahāwī merumuskan perenggan-perenggan yang disebutkan dengan satu pernyataan tuntas iaitu dengan mentanzihkan Allah SWT daripada segala sifat kekurangan seperti menyamakan dengan makhluk (*tashbīh*) dengan berkata:

وَمَنْ لَمْ يَتَوَقَّ النَّفْيَ وَالتَّشْبِيهَ زَلَّ وَلَمْ يُصِبْ التَّنْزِيهَ.

Maksud:

Dan barangsiapa yang tidak memelihara dirinya dari penafian dan penyerupaan, maka dia tergelincir dan tidak menepati sasaran tanzīh (menyucikan Allah SWT daripada segala sifat kekurangan).

Berdasarkan pernyataan di atas, apa yang dapat diperhatikan al-Ṭahāwī memberi tumpuan dan penekanan yang besar terhadap perbahasan ini. Ini kerana, seperti sedia maklum bahawa kitab ini merupakan kitab yang kecil, namun pada bahagian ini beliau telah mengulasnya dengan panjang lebar dan menegaskan berulang kali. Sudah tentu hal ini didasarkan di atas kepentingan perbahasan berkaitan nas-nas *mutashābihāt* ini yang melibatkan keimanan terhadap sifat kesempurnaan dan keagungan Allah SWT. Oleh yang demikian, perkara ini menjadi asas kepada analisis seterusnya.

PERBINCANGAN

Berdasarkan dapatan kajian berkaitan pernyataan kaedah interaksi al-Ṭahāwī terhadap nas-nas *mutashābihāt*, pengkaji mendapati sebahagian analisis yang perlu dilakukan dalam beberapa topik yang lain seperti berikut:

ANALISIS KAEDAH INTERAKSI AL-ṬAHĀWĪ DALAM AYAT-AYAT *MUTASHĀBIHĀT*

Berdasarkan pernyataan di atas juga, dapat dilihat dengan jelas bahawa al-Ṭahāwī cenderung kepada kaedah *tafwīd* dan menegah daripada melakukan takwil terhadap nas-nas *mutashābihāt*. Hal ini diakui oleh para *shurrāh* bagi kitab *al-Aqidah al-Ṭahāwiyyah*, antaranya Sirāj al-Dīn al-Ghaznawī (2009, 83) yang menyatakan bahawa secara kesimpulannya al-Ṭahāwī melazimi kaedah *tafwīd* dan meninggalkan takwil. Menurut Sa'īd Fūdāh (2014, 1:668), secara zahirnya kaedah *tafwīd* ini merupakan pilihan majoriti ulama mazhab Hanafi dan ia juga merupakan pilihan sebilangan daripada ulama al-Ashā'irah sama ada dalam kalangan *mutaqaddimīn* dan *mutaakhirīn*. Dalam menerangkan perkara ini, Hamza Yusūf (2009) menyebutkan bahawa akidah al-Ṭahāwī dibina atas fundamental ayat al-Quran dan hadith yang sahih, manakala kaedah *tafwīd* merupakan kaedah yang paling mudah, paling selamat dan cukup memadai bagi akidah kebanyakan umat Islam. Kata beliau:

"Sufficing as a sound basis for their faith, The Creed of Imam al-Ṭahāwī is gleaned from the Qur'an, the small number of infallible hadith, and the consensus of the rightly-guided scholars of the first centuries of Islam. It is the safest and simplest of the early articulations of Muslim belief." (Hamza Yusuf 2009)."

M.M. Sharif (1963) menjelaskan bahawa fenomena ini berlaku disebabkan faktor al-Ṭahāwī sendiri yang merupakan seorang ulama salaf sejati (*true traditionist*), yang kebiasaan mereka tidak gemar untuk melibatkan perbahasan rasional dan pemikiran spekulatif terhadap nas-nas syarak, bahkan mengambil pendekatan konservatif dengan mengimani dan menerima nas-nas syarak sepenuhnya tanpa sebarang persoalan. Menurut beliau lagi, asas kepada kaedah al-Ṭahāwī boleh diistilahkan sebagai dogmatik berbanding aliran Maturidiah yang hampir dengannya yang bersifat lebih kritikal. Kata beliau:

"Al-Ṭahāwī, as a true traditionist, did not favour, as will be seen, any rational discussion or speculative thinking on the articles of faith, but preferred to believe and accept them without questioning. There is no reference in his creed to the critical examination of the method, sources, and means of knowledge, or the the foudation on which his theological system is built. So his system may be termed as dogmatic, while that of al-Māturīdī as critical." (M.M Sharif 1963).

Namun begitu, walaupun disifatkan kaedah ini sebagai dogmatik, Mustafa Ceric (1995) berpandangan ia bahkan sangat sesuai pula dengan tugas dan fungsinya dalam lingkungan geografi di mana al-Ṭahāwī tinggal, iaitu di barat jauh empayar Islam (*far west of the muslim empire*). Manakala, dua lagi aliran Ahli Sunnah Waljamaah yang sezaman dengannya, pada kurun ke-9 dan 10 Masihi, iaitu al-Ashā'irah di sebelah bahagian tengah dan al-Maturidiah di timur jauh (*far east*) pula terpaksa mereka mencipta suatu bentuk baharu dalam mengimbangi pertembungan pemikiran di sana. Mustafa Ceric (1995) menyatakan bahawa:

"Therefore, in the context of these facts of Islamic history, and because of the need for a balanced theological pursuit, the serious Muslim thinker had to undertake the task of creating a synthetic, Sunnite theological perspective. Al-Maturidi in the far east, al-Ashā'iri in the middle and al-Ṭahāwī in the far west of the muslim empire were reliable fot the purpose and suitable to the task." (Mustafa Ceric 1995).

Dari sudut yang lain pula, kaedah yang dipilih al-Ṭahāwī ini pula tidak sama dengan apa yang digunakan oleh sesetengah golongan yang menggelarkan diri mereka dengan gelaran 'salaf'. Hal ini kerana perbezaan yang ketara antara kaedah *tafwīd* oleh al-Ṭahāwī dengan kaedah *ithbat* oleh golongan tersebut sepertimana

yang telah diterangkan. Walau bagaimanapun, kecenderungan dan minat yang tinggi golongan ini terhadap *al-'Aqidah al-Ṭaḥāwiyyah* adalah keperluan mereka untuk menisbahkan golongan mereka kepada salaf. Oleh yang demikian, terdapat sebuah syarahan daripada seorang pengikut kepada manhaj Ibn Taimiyyah iaitu Ibn Abi al-'Izz (w 791 H) yang dijadikan asas dan panduan utama dalam mensyarahkan kitab tersebut dengan kaedah yang berlainan dengan apa yang dimaksudkan oleh al-Ṭaḥāwī. Wasim Shiliwala (2018) menjelaskan fenomena ini dalam bahawa dengan adanya syarahan Ibn Abi al-'Izz, ia menjadi perantara dan jambatan untuk menghubungkan golongan *salaf al-ṣāliḥ* (al-Ṭaḥāwī), ulama zaman pertengahan (Ibn Abi al-'Izz) dengan Salafi kontemporari. Berikut apa yang dinyatakan oleh beliau:

“What most clearly explains why the Salafis would adopt such a text despite their apparent discomfort with some of its contents, however, is that this act of appropriation serves their broader effort to connect contemporary Salafism to past generations of scholars through the construction of a textual tradition. In this case, the Ṭaḥāwiyya tradition serves as a link between the early (al-Ṭaḥāwī), medieval (Ibn Abi al-'Izz), and modern periods (contemporary Salafī commentators). Although not strictly necessary from the standpoint of Salafī's itself, these linkages are vital for bolstering the Salafī's claim to represent a pure Sunnī creed. Salafī scholars are quite sensitive to the notion the their doctrine is new (i.e. “Wahhābi”), a fringe belief system, or simply one school of theology among many. Accordingly, many Salafī commentators try to make a case in their introductions – similar to ones we encountered above – for a Salafī textual tradition that extends throughout history.” (Wasim Shiliwala 2018).

Di samping itu juga, apabila diperhati dengan lebih mendalam, kecenderungan al-Ṭaḥāwī dalam menolak takwil bukanlah bermaksud beliau menolaknya secara keseluruhannya. Sebaliknya beliau bermaksud untuk mengembalikan kefahaman ayat *mutashābihāt* kepada ayat *muḥkamāt*, dan apabila tidak mendapati cara untuk memahaminya maka tidak boleh untuk melampaui batas dengan bersandarkan kepada perkara yang *dzanni* (sangkaan). Hal ini dapat dilihat dalam karya al-Ṭaḥāwī (1989) yang lain iaitu kitab *Syarh Musykil al-Āthār* bahawa beliau berkata:

فَهَكَذَا يَكُونُ أَهْلُ الْحَقِّ فِي الْمُتَشَابِهِ مِنَ الْقُرْآنِ يَرْدُّونَهُ إِلَى عَالِمِهِ، وَهُوَ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ، ثُمَّ يَلْتَمِسُونَ تَأْوِيلَهُ مِنَ الْمُحْكَمَاتِ اللَّائِي هُنَّ أُمُّ الْكِتَابِ، فَإِنْ وَجَدُوهُ فِيهَا عَمِلُوا بِهِ كَمَا يَعْمَلُونَ

بِالْمُحْكَمَاتِ، وَإِنْ لَمْ يَجِدُوهُ فِيهَا لِنَقْصِيرِ عُلُومِهِمْ عَنْهُ لَمْ يَتَجَاوَزُوا فِي ذَلِكَ الْإِيمَانَ بِهِ، وَرَدَّ حَقِيقَتِهِ إِلَى اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ، وَلَمْ يَسْتَعْمِلُوا فِي ذَلِكَ الظُّنَّ الَّذِي حَرَّمَ اللَّهُ عَلَيْهِمْ اسْتِعْمَالَهَا فِي غَيْرِهِ، وَإِذَا كَانَ اسْتِعْمَالُهَا فِي غَيْرِهِ حَرَامًا كَانَ اسْتِعْمَالُهَا فِيهِ أَحْرَمَ.

Maksud:

“Begitulah pendirian para pendokong kebenaran pada perbincangan al-mutashābih dalam al-Quran di mana mereka menyerahkan maknanya kepada yang mengetahuinya iaitu Allah SWT, kemudian mencari takwilnya daripada ayat al-muḥkamāt yang merupakan umm al-kitāb. Jika mereka menjumpainya, maka mereka mengamalkannya seperti mereka beramal dengan ayat al-muḥkamāt. Jika mereka tidak menjumpainya kerana sedikitnya ilmu mereka mereka tidak melampaui batas kecuali dengan beriman kepadanya serta mereka menyerahkan hakikat sebenarnya kepada Allah SWT. Mereka tidak menggunakan sangkaan-sangkaan yang diharamkan oleh Allah SWT pada selainnya. Jika menggunakan sangkaan pada selain al-Quran adalah haram, maka menggunakannya pada al-Quran sudah tentu lebih haram.

Di samping itu, walaupun al-Ṭaḥāwī berpegang kepada kaedah *tafwīd*, namun kaedah *tafwīd* itu sendiri bukanlah bermaksud jahil terhadap makna ayat. Sebaliknya *tafwīd* di sini bermaksud berpada dengan apa yang diyakini sahaja dan meninggalkan selainnya daripada sangkaan yang tidak pasti berkaitan dengan zat Allah SWT. Oleh yang demikian, takwil yang dianjurkan al-Ṭaḥāwī supaya ditinggalkan di sini, terutamanya dalam perbincangan *rukyatullah*, ialah percubaan untuk mengetahui hakikat *rukyah* (penglihatan) tersebut secara pasti sedangkan perkara itu mustahil kerana melibatkan zat Allah SWT Yang Maha Mulia dan ilmu manusia terbatas dalam hal tersebut. Maka usaha untuk mencari takwil terhadap perkara itu jelasnya akan membawa kepada kesalahan dan kesilapan, yang akhirnya membawa kepada kekufuran (Hazim Hasan 2022).

Selain itu, terdapat banyak pernyataan yang menunjukkan kepada *tanzīh* sifat Allah SWT di dalam kitab *al-Aqīdah al-Ṭaḥāwiyyah* tersebut yang mana ia memberikan kefahaman bahawa al-Ṭaḥāwī tidak menetapkan makna zahirnya secara literal dengan menafikan penyamaan sifat-sifat Allah SWT dengan sifat-sifat makhluk, namun tidak pula menentukan makna yang khusus bagi lafaz-lafaz yang *mutashābih* dalam nas-nas al-Quran dan Sunnah. Kaedah ini juga disebutkan sebagai salah satu bentuk takwil iaitu *ta'wil ijmalī*. Pernyataan

tanzih ini disebut dalam tiga tema yang utama iaitu *tanzih* Allah SWT daripada sekutu yang serupa atau sama dengan-Nya, *tanzih* zat dan sifat Allah SWT daripada menyerupai makhluk dan sifat lazimnya dan *tanzih* kalam Allah SWT daripada menyamai kalam makhluk (Wan Ahmad Naquiddin Wan Khalid & Wan Haslan 2024).

Antaranya penegasan al-Ṭahāwī yang cukup jelas bahawa sesiapa yang menyifatkan Allah SWT dengan satu makna daripada sifat-sifat manusia maka dia telah menjadi kafir. Kata al-Ṭahāwī (2017):

وَمَنْ وَصَفَ اللَّهَ بِمَعْنَى مِنَ مَعَانِي الْبَشَرِ فَقَدْ كَفَرَ، فَمَنْ أَبْصَرَ
هَذَا اعْتَبَرَ، وَعَنْ مِثْلِ الْكُفَّارِ انْتَجَرَ، وَعَلِمَ أَنَّ تَعَالَى بِصِفَاتِهِ
لَيْسَ كَالْبَشَرِ.

Maksud:

Sesiapa yang menyifatkan Allah SWT dengan satu makna daripada makna sifat manusia, maka dia telah kafir. Sesiapa yang mengambil perhatian tentang perkara ini, maka dia mendapat pengajaran dan menjauhi perkataan orang kafir. Justeru dia mengetahui bahawa sesungguhnya Allah SWT dengan sifat-sifat-Nya itu tidak sama seperti manusia.

Walau bagaimanapun, sepertimana yang disebutkan hal ini tidak melazimi bahawa kaedah *ta'wil tafṣili* ditolak secara mutlak oleh al-Ṭahāwī kerana pada hakikatnya beliau memberikan jalan yang paling selamat dan menghindari kesilapan bagi umat Islam. Bahkan ramai ulama Ahli Sunnah Waljamaah yang lain turut berpandangan bahawa *tafwīd* adalah kaedah yang paling sesuai bagi golongan awam, manakala kaedah takwil hanya dikhususkan kepada para ulama tertentu yang memiliki ketajaman analisis dan tahapan spiritual yang tinggi. Al-Ghazali sebagai contoh menjelaskan tujuh langkah yang selamat bagi golongan awam dalam berinteraksi dengan nas-nas *mutashābihat* iaitu mensucikan tuhan daripada konsepsi yang menyimpang (*al-taqdīs*), membenarkan kandungan teks (*al-taṣdīq*), mengiktiraf kelemahan diri untuk mengetahui secara pasti hakikat zat tuhan (*al-i'tirāf bi al-'ajzi*), diam dan tidak membincangkannya (*al-sukūt*), menahan diri daripada memanipulasi teks (*al-imsāk*), tidak membahas dan memikirkannya (*al-kaff*), serta menyerahkan perkara ini kepada pakar (*al-taslīm li ahlih*) (Umar 2022).

Hal ini turut disepakati oleh beberapa ulama kontemporari antara Sa'īd Hawwā yang berpandangan kaedah terbaik untuk mempersatukan umat Islam ialah tidak melakukan takwil dengan

mensucikan (*tanzih*) Allah SWT daripada sifat-sifat makhluk yang baharu (*hādith*). Walau bagaimanapun beliau tidak menghalang sesiapa untuk menggunakan kaedah takwil selagimana bertepatan dengan syarat dan garis panduan yang ditetapkan.

KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, kaedah yang dipilih oleh al-Ṭahāwī ialah kaedah *tafwīd*. Kecenderungan beliau menggunakan pendekatan ini dapat dihuraikan dengan beberapa faktor. Antaranya ialah beliau merupakan seorang ulama salaf al-ṣalīh yang kebanyakan mereka berpegang kepada kaedah *tafwīd*. Di samping itu, *tafwīd* itu sendiri merupakan satu kaedah yang selamat dan sejahtera buat akidah umat Islam khususnya bagi golongan awam. Namun ini tidak menafikan keabsahan kaedah takwil yang digunakan oleh golongan salaf dengan keperluan untuk memahaminya dalam kerangka kefahaman nas-nas yang bersifat *muhkamāt*. Hal ini dengan merujuk kepada pernyataan al-Ṭahāwī dalam karya beliau yang lain iaitu kitab *Syarh Musykil al-Āthār* yang menyatakan perkara tersebut dengan jelas.

Implikasi daripada kajian ini ialah menyerlahkan dan menjelaskan kaedah sebenar golongan salaf al-ṣalīh terhadap ayat-ayat *mutashābihat* dengan menjadikan al-Ṭahāwī, selaku ulama salaf yang disepakati, sebagai satu contoh yang ideal. Hal ini sangat penting kerana ia dapat dijadikan sebagai hujah menafikan dakwaan sesetengah aliran yang menisbahkan golongan mereka kepada akidah salaf namun tidak menepati kaedah interaksi sebenar golongan salaf malah bercanggah dengannya. Selain itu berdasarkan pembacaan dan kajian yang dilakukan, perbincangan yang masih belum dikaji ialah berkaitan kaedah yang digunakan para ulama di alam Melayu terhadap nas-nas *mutashābihat* daripada khususnya kitab akidah Jawi yang pasti ada membincangkan tentang perbincangan ini. Oleh yang demikian usaha untuk menyerlahkan kaedah ulama Melayu dalam berinteraksi dengan nas-nas *mutashābihat* ini amat penting bagi mengisi jurang kajian yang ada ketika ini.

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia kerana membiayai penyelidikan ini di bawah Skim Geran Penyelidikan Fundamental

(FRGS) dengan kod: FRGS/1/2022/SSI11/UKM/02/18.

SUMBANGAN PENGARANG

Konseptualisasi, Wan Ahmad Naquiuddin dan Wan Haslan; metodologi, Abdull Rahman; kesahan, Wan Haslan dan Mutsalim Khareng; analisis formal; Wan Haslan dan Abdull Rahman; penelitian, Mutsalim Khareng; sumber; Wan Ahmad Naquiuddin dan Wan Haslan; organisasi data; Wan Ahmad Naquiuddin dan Wan Haslan; penulisan -persediaan draf asal; Wan Ahmad Naquiuddin; penulisan - suntingan, Wan Ahmad Naquiuddin dan Wan Haslan; pengurusan projek; Wan Haslan; pemerolehan dana; Wan Haslan. Semua pengarang telah membaca dan bersetuju menerima versi manuskrip yang diterbitkan.

RUJUKAN

- Abd. al-ʿAzīz Sayf al-Naṣr. 2018. *Masā'il al-ʿAqīdah al-Islamiyyah Bayna al-Tafwīd wa al-Ithbat wa al-Ta'wīl*. Kaherah: al-Wābil al-Sayyib.
- Ahmad Munawar Ismail & Mohd. Nor Shahizan Ali. 2018. *Kaedah Penyelidikan Sosial Daripada Perspektif Islam*. Edisi ke-3. Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
- Ahmad Sunawari Long. 2022. *Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*. Edisi ke-5. Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
- Al-Ajhūri. 2021. *Fath al-Qarīb al-Majīd*. Istanbul: Dār Ṭaḥqīq al-Kitāb.
- Al-Bayjuri, Burhanuddin Ibrahim. 2012. *Tuḥfāt al-Murīd 'ala Jawharat al-Tawhīd*. ed. Ali Jumu'ah. Kaherah: Dar al-Salam.
- Al-Busnawi, Hasan Kāfi al-Aqḥṣāri. 1997. *Nūr al-Yaqīn fī Usūl al-Dīn*. ed. Zuhdī al-Busnawi. Riyadh: Obeikan Publishing.
- Al-Dūsari, Muhammad Ibn Abd Allah. 2002. *Aqwal al-Tahawi fī al-Tafsīr: Min Awwal al-Quran ila Nihayat Surah al-Tawbah, Jam'an wa Dirasatan*. Disertasi Sarjana. Imam Mohammad Ibn Saud Islamic University.
- Al-Ghaznāwī, Sirāj al-Dīn. 2009. *Syarh Aqīdah al-Imām al-Ṭaḥāwī*. e.d Hāzīm al-Kaylānī & Muhammad Abd. al-Qādir Naṣṣār. Kaherah: Dārat al-Karāz.
- Al-Habsyi, Abdullah Bin Abd al-Kadir. 2020. *Al-Habasyiah Syarh Matan al-Tahawiyyah*. Selangor: Pustaka Islamiyyah Holding.
- Al-Jaṣṣas, Abū Bakar al-Rāzi. 2010. *Syarh al-Mukhtaṣar al-Ṭaḥāwī*, ed. 'Ismatullah 'Inayatullah Beirut: Dār al-Basyāir al-Islamiyyah.
- Al-Maidani, Abd. Al-Rahman Hasan Habbanakah. 2009. *Al-Aqīdah al-Islamiyyah wa Ususuha*. Edisi ke-14. Beirut: Dar al-Qalam.
- Al-Qasimi, Muhammad Ṭayyib. 2021. *Syarh al-ʿAqīdah al-Ṭaḥāwīyyah*. Karachi: al-Busyra.
- Al-Sāwī. 2021. *Syarh al-Sāwī 'ala Jawharat al-Tauḥīd*. Istanbul. Dār Ṭaḥqīq al-Kitāb.
- Al-Subki, Tāj al-Dīn. 1413H. *Ṭabaqāt al-Shāfi'iyyah al-Kubra*. ed. Mahmūd Muhammad al-Ṭanāḥi & 'Abd al-Fattāh Muḥammad. Beirut: Hajar.
- Al-Subki, Tāj al-Dīn. 1986. *Mu'īd al-Ni'am wa Mubīd al-Niqam*. Beirut: Muassasah al-Kutub al-Tsaqafiah
- Al-Ṭaḥāwī, Abū Ja'far. *Al-ʿAqīdah al-Ṭaḥāwīyyah*. Terj. Md. Sahari Bin Abdullah. Shah Alam: Jabatan Mufti Negeri Selangor.
- Azizul Azra Abdul Razak & Hafizah Abdul Jalil. 2020. Penyelewengan penterjemahan dan penafsiran ke atas ayat-ayat berkaitan sifat-sifat ketuhanan dalam al-Quran. *Journal of Social Transformation and Regional Development (JSTARD)*. Special Issue 2(3): 63-68.
- Faizuri Abd. Latif & Muhammad Hazim Mohd Azhar. 2018. Pengaruh Umm al-Barāhīn Karya al-Sanūsi Terhadap Bākūrah al-Amāni Karya Wan Ismail al-Fatani Dalam Perbahasan Sifat 20. *AFKAR*. 20(2): 93-126.
- Hamza Yusuf. 2009. *The Creed of Imam al-Ṭaḥāwī*. California: Zaytuna Institute.
- Hazim Hasan Abd. Al-Basir. 2022. *Al-Aqidah al-Tahawiyyah: Bayna al-Salaḥ al-Mu'asarah Wa al-Mutakallimin*. Amman: Dar al-Nur al-Mubin.
- Ibn Abi al-ʿIzz. 1988. *Syarh al-ʿAqīdah al-Ṭaḥāwīyyah*. ed. Nasir al-Dīn al-Albani. Beirut: al-Maktab al-Islami.
- Ibn Kathir, Isma'il Ibn Umar. 1999. *Tafsīr al-Quran al-ʿAzīm*. ed. Sami Ibn Muhammad Salamah. Riyadh: Dar al-Taybah.
- Khairul Hamim & M. Masykur Abdillah. 2023. Renaissance of Islam: A content analysis of Muhammad Rashīd Riḍā's exegesis. *Journal of Islamic Thought and Civilization (JITC)* 13(2): 104-119.
- M.M Sharif. 1963. *A History of Muslim Philosophy*. Wiesbaden, Germany: Otto Harrassowitz Pakistan Philosophical Congress.
- Mazlan Ibrahim, Abur Hamdi Usman & Muhammad Fakhur Razi Shahabudin. 2022. Psikoterapi al-Ghazālī: Kajian terhadap Maqāmāt dalam Kitab Ihya' 'Ulūm al-Dīn. *Islamiyyat: The International Journal of Islamic Studies* 44 (SI): 85-95.
- Mohd Firdaus Mohammad Darwi, Wan Haslan Khairuddin & Abdull Rahman Mahmood. 2024. Kewajipan nazar (penaakulan) dan keharaman taqlid di sisi Muhammad Bin Yusuf Al-Sanusi menerusi karyanya Sharh al-ʿAqidah al-Kubra. *Journal Afkar* 26(1): 385-414.
- Muhammad Rashidi Wahab & Syed Hadzrullathfi. 2012. Takwilan nas-nas sifat mutashabihat dalam kalangan salaf. *Global Journal al-Thaqafah (GJAT)*: 2(2) (Dec.): 77-85.

- Muhammad Rashidi Wahab, Mohd Shahrizal Nasir & Syed Hadzrullathfi Syed Omar. 2014. Implikasi penafian Majaz al-Quran terhadap nas-nas sifat mutashabihat. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 8: 135-152.
- Muqatil Ibn Sulayman. 2002. *Tafsir Muqatil Ibn Sulayman*. e.d Abdullah Mahmud Syahātah. Beirut: Dar Ihya' Turath.
- Mustafa Ceric. 1995. *Roots of Synthetic Theology in Islām: A Study of the Theology of Abū Manṣūr al-Māturīdī*. Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC).
- Najat Mat Nor & Mohd Safri Ali. 2021. Kajian Literatur Terhadap Sumbangan Ulama Melayu Dalam Menjelaskan Ayat Mutasyabihat. *International Journal of Al-Quran and Knowledge* 1(1): 49-56.
- Sa'īd Fūdah. 2014. *Syarh al-Kabir 'ala al-Aqidah al-Tahawīyyah*. Beirut: Dar al-Dzakhair.
- Umar Muhammad Noor. 2022. Takwil dan kritik literalisme: Kaedah al-Ghazālī dalam mentafsir hadith-hadith yang mengandungi antropomorfisme. *Islamiyyat: The International Journal of Islamic Studies* 44 (SI): 109-122.
- Wan Ahmad Naqiuddin Wan Khalid & Wan Haslan Khairuddin. 2024. Konsep tanzīh dalam kitab Al-'Aqīdah al-Taḥāwīyyah. *Journal of Ifta And Islamic Heritage (JIFTAH)*. 3(1): 40-58.
- Wan Haslan Khairuddin. 2022. Ateisme dalam wacana ilmu kalam. *International Journal of Islamic Thought (IJIT)* 22: 125-137.
- Wassim Shiliwala. 2018. Constructing a textual tradition: Salafī commentaries on al-'Aqīda al-Taḥāwīyya. *Die Welt Des Islams* 58(4): 461–503.
- Yahya Bilal. 2016. *Al-Mutashābih fi al-Quran wa Ma'rifat Ta'wilihi*. n.l. Dirāsāt Ulum al-Syari'ah wa al-Qānūn.
- Zamri Mahamod. 2023. *Penulisan Akademik: Teori dan Amalan*. Edisi ke-2. Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).